

MyDIGITAL sasar tarik dua syarikat pemula ke Malaysia

Langkah tarik pelaburan baharu dalam sektor digital sebanyak RM70 bilion

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@nstp.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan menyasar untuk menarik sekurang-kurangnya dua syarikat unikorn antarabangsa beroperasi di Malaysia dalam tempoh lima tahun ini, sekali gus menarik lebih banyak pelaburan baharu dalam sektor digital negara.

Syarikat unikorn ialah syarikat pemula atau *start-up* swasta yang bernilai AS\$1 bilion ke atas. Menurut CB Insights, terdapat lebih 500 syarikat unikorn di seluruh dunia setakat 1 Mac lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata langkah itu adalah sebahagian daripada sasaran yang ditetapkan di dalam Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia.

Beliau berkata, di peringkat nasional, ekonomi digital dijangka menyumbang 22.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara menjelang tahun 2025 dan menyasar untuk menghasilkan 500,000 peluang pekerjaan dalam ekonomi digital.

Ini dapat memberikan peluang kepada mereka yang berani me-

rebut cabaran pendigitalan dengan menerima dan menyesuaikan diri dengannya, mendapat manfaat dari segi peningkatan taraf hidup dan kerajaan juga akan memudahkan cara bagi memastikan 875,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menerima guna e-dagang.

"Selain itu, inisiatif di bawah MyDIGITAL ini juga dapat memangkin 5,000 *start-up* dalam masa lima tahun akan datang dengan sasaran menarik unikorn untuk beroperasi di sini, kerana kesan limpahannya sangat luar biasa.

"Kita dapat membuka peluang pekerjaan baharu dan pekerjaan mahir berpendapatan tinggi. Apabila unikorn ini berfungsi dengan baik, mereka juga menyumbang kepada aliran tunai dalam negara. Inisiatif ini juga akan menjadi titik tolak untuk menarik pelaburan baru dalam sektor digital sebanyak RM70 bilion dari dalam dan luar negeri.

"Seterusnya, kerajaan menyasarkan 30 peratus peningkatan produktiviti dalam semua sektor menjelang 2030. Bagi sektor awam pula, semua agensi akan menyediakan kemudahan transaksi tanpa tunai sebagai pilihan utama menjelang 2022," katanya dalam kenyataan 10 Soalan Mengenai Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia yang dikeluarkan kelmarin.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 19 Februari lalu melancarkan Pelan Pembangunan Ekonomi Digital Kerajaan - MyDIGITAL, agenda kerajaan yang merangkumi pelbagai aspek, untuk menggerakkan usa-



Kita dapat membuka peluang pekerjaan baharu dan pekerjaan mahir berpendapatan tinggi. Apabila unikorn ini berfungsi dengan baik, mereka juga menyumbang kepada aliran tunai dalam negara.

Mustapa Mohamed,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)

ha pendigitalan di Malaysia.

Misi utama agenda itu adalah memperkasa setiap rakyat Malaysia, dari Perlis ke Johor hingga ke Sabah, untuk terbabit dalam ekonomi digital, sekali gus meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

Dalam merealisasikan agenda itu, Rangka Tindakan (*Blueprint*)

Ekonomi Digital Malaysia antara lain memperkenalkan beberapa inisiatif termasuk Jalinan Digital Negara (JENDELA), pelaksanaan 5G ke seluruh negara dan *Cloud Service Provider* (CSP) atau penyedia perkhidmatan awan.

Dalam pada itu ditanya mengenai harapan beliau kepada rakyat dalam usaha menerokai dan memahami rangka tindakan itu, Mustapa berkata, semua pihak tiada pilihan selain menerima dan menggunakan teknologi digital.

"Baik kerajaan, perniagaan mahupun setiap dari rakyat tanpa mengira apa juga demografi dan latar belakang perlu memanfaatkan teknologi digital dalam segenap aspek kehidupan.

"Aspirasi MyDIGITAL yang digagaskan ini hanya akan menjadi realiti sekiranya setiap dari rakyat Malaysia serta pihak swasta dan juga kerajaan komited dalam menyahut seruan ini dan melaksanakan peranan masing-masing.

"Jika tidak, kita akan ketinggalan. Dan negara juga tidak akan mampu mencapai matlamatnya untuk menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital dan mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab dan mapan.

"Atas sebab itulah, Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia ini dirangka dengan mengambil kira setiap daripada rakyat Malaysia.

"Tua atau muda, di bandar ataupun desa, apa jua tahap pendidikan atau kerjaya - Rangka Tindakan adalah untuk setiap dari kita. *There's in it for everyone!*" katanya.